



## **KENYATAAN MEDIA**

### **PELAKSANAAN PROJEK KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN MAHKAMAH SELURUH MALAYSIA**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengambil perhatian serius mengenai permohonan untuk menaik taraf dan memulihara kebanyakan bangunan mahkamah yang lama dan mengalami kerosakan kritikal. Keadaan ini bukan sahaja menjelaskan operasi mahkamah malah keselamatan pengguna terutamanya hakim, kakitangan mahkamah, peguam dan orang awam.

Bagi memastikan mahkamah dapat menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya secara berkesan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memperuntukkan sebanyak RM120 juta bagi Projek Naik Taraf dan Kerja Pemuliharaan Bangunan Mahkamah di seluruh Malaysia secara one-off pada Rolling Plan Keempat Tahun 2020 di bawah Peruntukan Pembangunan.

Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama dua (2) tahun. Projek ini melibatkan kerja naik taraf dan pemuliharaan 120 buah mahkamah seluruh Malaysia meliputi pembaikan kritikal antaranya seperti bumbung, dinding, saluran paip, penghawa dingin dan sistem pencegahan kebakaran. Bilangan mahkamah terlibat mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Mahkamah</b>
1.	Johor	13
2.	Melaka	3
3.	Negeri Sembilan	8
4.	Selangor	12
5.	Putrajaya	1
6.	Perak	18
7.	Pulau Pinang	5
8.	Kedah	10
9.	Kelantan	10
10.	Terengganu	6
11.	Pahang	9
12.	Sarawak	5
13.	Sabah	19

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Mahkamah</b>
14.	Labuan	1
	<b>Jumlah</b>	<b>120</b>

Kerajaan yakin dengan peruntukan ini akan dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan mahkamah kepada orang awam.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

**11 Disember 2019**